



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	01.12.22	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	TNB			

Harian Metro | Khamis 01.12.2022

@hmetromy f HarianMetro t @hmetromy www.hmetro.com.my

5

lokal

Oleh Zuliaty Zulkifli
am@hmetro.com.my

Changlun

Kanak-kanak lelaki yang dihempap tiang elektrik di Kampung Belukar dekat Jalan Kampung Darat, kelmarin meninggal dunia kerana parah di kepala.

Dua lagi rakannya yang berusia 10 dan 11 tahun masing-masing cedera di pinggang dan paha.

Ketua Polis Daerah Kubang Pasu, Superintendan Rodzi Abu Hassan berkata, mayat mangsa berusia 10 tahun dihantar ke Jabatan Forensik, Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Alor Setar untuk dibedah siasat.

"Kanak-kanak yang cedera pula dirawat di Hospital Jitra.

"Hasil siasatan mendapa-

Ajal dihempap tiang elektrik

Kanak-kanak lelaki maut, dua lagi rakan parah

ti, tiada sebarang unsur jenayah di tempat kejadian,"

Dalam kejadian kira-kira jam 5.30 petang itu, seorang kanak-kanak maut, manakala dua rakannya parah selepas dihempap tiang elektrik yang dilonggok di tepi jalan itu ketika sedang ber-

main. Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah, Penolong Kanan Pesuruhjaya Bomba Sayani Saidon berkata, sepasukan anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bukit Kayu Hitam di-

kerah ke lokasi sebaik menerima panggilan kecema-

san pada jam 5.33 petang.

"Sewaktu Pasukan Keluaran Operasi (PKO) tiba, didapati hanya dua mangsa masih berada di lokasi iaitu seorang yang dipercayai sudah meninggal dunia manakala seorang lagi tidak sedarkan diri yang berjaya dibawa keluar oleh orang awam," katanya.

Sayani berkata, mangsa ketiga yang berjaya dikeluarkan orang awam, dibawa ke Hospital Jitra oleh Kementerian Kesihatan.



ANGGOTA bomba mengangkat seorang daripada dua kanak-kanak lelaki yang tidak sedarkan diri manakala rakannya dipercayai meninggal dunia selepas dihempap tiang elektrik di Kampung Belukar, kelmarin.

“Siasatan mendapati tiada sebarang unsur jenayah di tempat kejadian”
Rodzi

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia